

13 JAN 1998

AIG NAK UMUM DANA PRASARANA AS\$2 BILION ESOK

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Konglomerat insurans Amerika, American International Group, Inc. (AIG) akan mengumumkan maklumat terperinci mengenai dana prasarana barunya berjumlah AS\$2 bilion di Singapura esok bagi pelaburan di seluruh rantau ini.

Pengerusi merangkap ketua eksekutifnya, Maurice Greenberg berkata hari ini, dana itu mencerminkan keyakinan syarikat itu terhadap masa depan rantau ini disebalik pergolakan ekonomi semasa.

"Kami sedang mengusahakan program pelaburan baru dalam banyak bidang bagi rantau ini termasuk Malaysia," katanya kepada pemberita di majlis Dialog Pasifik Keempat di sini. Dialog selama dua hari itu berakhir hari ini.

Beliau berkata peruntukan dana itu akan bergantung kepada jenis projek dan antaranya bagaimana ia dirangka.

Greenberg, seorang daripada anggota perwakilan Amerika Syarikat yang menghadiri dialog di mana yang lain termasuklah Setiausaha Pertahanan AS William Cohen dan bekas Setiausaha Negara Henry Kissinger, terdahulu telah mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata AIG merancang untuk banyak melabur dalam bidang seperti pasaran sekuriti dan pembangunan prasarana.

"Malahan kami menimbangkan untuk menempatkan beberapa unit kami di Malaysia serta bahagian-bahagian lain di rantau ini," katanya.

Beliau berkata Asia memerlukan pembangunan prasarana yang terpilih untuk meneruskan pertumbuhan ekonominya.

Sementara itu bagi persoalan lain, Greenberg enggan menyatakan sama ada tawaran Malaysia kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk membenarkan 51 peratus pengawalan ekuiti dalam firma insurans oleh syarikat asing dibangkitkan ketika mesyuarat itu.

"Saya datang ke Malaysia bukan untuk membincangkan mengenai perkara itu...saya datang kemari untuk menyertai dialog dan menawarkan apa juga pandangan yang boleh disumbangkan bagi mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi oleh rantau ini," katanya.

Peraturan baru itu bermakna American International Assurance, yang dimiliki sepenuhnya oleh AIG, perlu melupuskan 49 peratus pegangan tambahan dalam American International Assurance, anak syarikat Malaysia milik penuhnya.

Bagaimanapun, Greenberg berkata AIG adalah "penyokong kuat" Malaysia kerana ia telah bertapak di negara ini sejak beberapa dekad lalu. --

BERNAMA

MAM ZK MA